

Sidang Dewan Rakyat

# Contohi UK, bank cuai perlu ganti duit mangsa scammer

Anwar setuju dasar lebih ketat lindungi pemilik akaun daripada jenayah kewangan dalam talian

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Latifah Arifin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berpendirian Malaysia wajar mengikut jejak langkah United Kingdom (UK) yang memperkenalkan undang-undang dan peraturan lebih ketat ke atas pihak bank, bagi memastikan pemilik

akaun dilindungi daripada jenayah penipuan kewangan.

Anwar berkata, beliau bersetuju supaya dasar baharu yang diperkenal UK sejak 7 Oktober lalu dilaksanakan di negara ini.

Dasar terbabit menetapkan bank perlu membayar balik pampasan atau ganti rugi dalam tempoh lima hari kepada pemilik akaun yang menjadi mangsa scammer bagi jenayah dalam talian.

“Seperti dikaitkan dengan undang-undang di UK, itu hanya jika dikenal pasti kecuaihan pihak bank atau bank tidak memantau mengikut peraturannya.

“Bank mesti juga bayar ganti rugi dan saya setuju bahawa prinsip itu juga diguna pakai di sini,” katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) ketika me-

ngajukan soalan tambahan ingin tahu kesediaan Malaysia untuk mengambil langkah seperti dilaksanakan kerajaan UK, iaitu memberikan lebih tanggungjawab kepada pihak bank untuk membuat bayaran ganti rugi atau pampasan kepada pemilik akaun yang kehilangan wang akibat menjadi mangsa scammer.

Nurul Amin berkata, di UK pemilik akaun yang menjadi mangsa scammer dalam talian berhak mendapatkan semula wang mereka daripada pihak bank dalam tempoh lima hari.

## RM178,407 dipulangkan

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun turut memaklumkan, ketika ini, tindakan tegas ke atas bank sudah dilaksanakan sekiranya berlaku kecuaihan.

“Kalau dikenal pasti kecuaihan, bank akan bayar (pampasan). Umpamanya setakat ini mengi-

kut Seksyen 413 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), RM178,407 telah pun dipulangkan, maknanya ada,” katanya.

Anwar juga menjelaskan, Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) menyekat RM19 juta wang jenayah penipuan dalam talian dan menyita sejumlah RM6 juta setakat ini.

Beliau berkata, itu kejayaan NSRC yang membabitkan kerjasama di antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

“Semenjak penubuhan NSRC sehingga Oktober 2024, sebanyak 140,474 panggilan diterima NSRC yang merangkumi 69,000 panggilan melibatkan laporan kes penipuan,” katanya.